



JABATAN KETUA MENTERI
Chief Minister's Department
Aras 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900
Faks : +6088-211 016

Rujukan : JPAN(S)900-3/172 Klt.3 (35)
Tarikh : 11 JUN 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT JAWATAN FLEKSI GRED
41/44 KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan sedia maklum, semua gred jawatan 41 bertaraf Tetap dan Berpencen telah difleksikan ke gred 41/44. Sehubungan itu, urusan kenaikan pangkat pegawai ke gred 44 tanpa kekosongan jawatan boleh dilaksanakan dengan menggunakan butiran di jawatan fleksi 41/44 sedia ada sepertimana yang terdapat dalam Buku Anggaran Emolumen tertakluk kepada pegawai yang terlibat memenuhi kriteria-kriteria kenaikan pangkat jawatan fleksi 41/44 seperti di **Lampiran A**.

3. Pelaksanaan jawatan fleksi Gred 41/44 **tidak meliputi** skim-skim perkhidmatan yang dibekalkan dengan gred kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan berdasarkan kriteria kecemerlangan dan juga skim-skim perkhidmatan yang mempunyai laluan kerjaya secara *time-based*.

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat ini dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

..2/

“SABAH MAJU JAYA”

JPAN: (S)900-3/172 Kit. 3 (35)

Tarikh: 11 JUN 2021

5. Tarikh kuatkuasa surat edaran ini adalah secara serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

s.k. Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri,
Tingkat 4, Blok B,
Wisma MUIS,
88811 KOTA KINABALU.

“SABAH MAJU JAYA”

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT JAWATAN FLEKSI 41/44

Kriteria Umum

1. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
2. Memperoleh markah 85% dan ke atas bagi Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terkini;
3. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib;
4. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
5. Mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa;
6. Menghadiri dan lulus Penilaian Kompetensi selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2/2019 mengenai Pelaksanaan Model Kompetensi dalam Perkhidmatan Awam Negeri Dan Keperluan Penilaian Kompetensi Dalam Urusan Peningkatan Kerjaya;
7. Keutamaan diberikan kepada pegawai yang berkhidmat dalam tempoh 6 tahun dan ke atas;
8. Pegawai yang telah berkhidmat 25 tahun dan ke atas di gred 41 boleh dikecualikan daripada menghadiri dan melulusi Penilaian Kompetensi; dan
9. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Kriteria Kecemerlangan (sekurang-kurangnya tiga kriteria)

1. Penglibatan dan sumbangan individu kepada pembangunan jabatan termasuklah inovasi, idea atau penambahbaikan yang memberikan impak kepada proses kerja, kepuasan pelanggan, penjimatan kos dan sebagainya. Contohnya penggerak transformasi jabatan termasuklah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Indeks Akauntabiliti, penarafan MS ISO dan sebagainya.
2. Telah didedahkan melalui pusingan kerja bukan kerana kelemahan prestasi atau kekurangan pegawai, tetapi telah bertugas atau ditempatkan dalam bidang tugas berlainan skim perkhidmatan masing-masing.
3. Pakar Bidang/ Penceramah/ Penulis/ Pembentang/ Penyelidik/ Perunding yang memberikan impak kepada pembangunan jabatan/kementerian.
4. Pemudahcara/ Jawatankuasa/ Urusetia/ Setiausaha dalam symposium/ seminar/ kursus/ persidangan.
5. Aktiviti dan pengiktirafan lain :

- a) Sumbangan di luar tugas rasmi seperti memegang jawatan sekurang-kurangnya sebagai ahli jawatankuasa NGO/ Persatuan/ Sukan/ Badan Kebajikan
- b) Anugerah kecemerlangan atau keahlian badan profesional.